

D.Y.M.M. LAWAT KAPAL INDUK
BRITISH H.M.S. BULWARK



BANDAR BRUNEL. — Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan pada hari Khamis lepas telah berangkat melawat ka-kapal induk British H.M.S. Bulwark yang berlaboh di-laut berhadapan dengan pantai Berakas.

Duli Yang Maha Mulia telah diiringi oleh Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di Brunei, Awang A. R. Adair dan Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir Sahibul Himmah Wal-Waqar Muda Mohammad Bolkia.

Kapal induk itu telah berada di-

sini kerana membawa kumpulan Komando 42 yang mengambil bahagian dalam latihan tentera bersama2 dengan anggota2 pasukan Askar Melayu Diraja Brunei yang telah berjalan selama tiga hari.

Latehan yang di-berinama 'Pandangan Baru' atau 'New Look' itu telah berakhir pada 7 Mach lepas.

Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan berangkat ka-kapal itu dengan menaiki kapal ronda Askar Melayu Di-

(Lihat Muka 8)

Gambar atas: Duli Yang Maha Mulia dengan diiringi oleh Pegawai Pemerintah AMDB, Col. J. J. H. Simpson ketika menuju kapal-pangkalan laut regiment itu untuk menaiki kapal ronda Pahlawan yang membawa baginda dan rombongan ka-kapal induk itu. Di belakang baginda dan Col. Simpson ialah Y.T.M. Seri Paduka Duli Pengiran Perdana Wazir. Sementara gambar sebelah kanan menunjukkan kapal induk H.M.S. Bulwark.


**Sembilan usol lulus
dlm. M.M.D. Belait**

KUALA BELAIT. — Majlis Mashuarat Daerah Belait dalam sidang bulanan-nya yang dipengerusikan oleh Pegawai Daerah Awang Haji Ali Khan bin Abdul Khan di-bilek mashuarat pejabat kerajaan di-Kuala Belait pada hari Sabtu lalu, telah meluluskan sembilan usul.

Usol pertama yang di-bentangkan oleh Awang Ibrahim bin Abdul Ghani, wakil bagi kawasan Lorong Tiga telah meminta kerajaan supaya menyediakan satu kawasan tapak bangunan kedai2 untok orang2 Melayu raayat negeri ini di-kawasan pekan Belait dan Seria.

Usul kedua di-kemukakan oleh Awang Mohammad Noor bin Abdul Latif wakil bagi Jalan Seria, yang meminta pehak kerajaan melebarkan lagi jam-

(Lihat Muka 5)



Penjaja2 di-seru supaya jaga kebersehan pasar

BANDAR BRUNEI. — Pengurus Lembaga Bandaran, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyeron penjaja2 di-pasar2 kawasan bandaran supaya memelihara keadaan supaya mereka bagi menjaga kebersehan.

Dalam satu kenyataan yang di-kehuarkan baru2 itu, Pengiran Dato Paduka Haji Abdul

Rahman berkata sa-tiap pen-
jual ikan, daging hendak-lah
menyuchi dan membersekan
bangku2 dan semua perkakas2
di-tempat itu sekurang2-nya sa-
tu kali sa-hari.

Seruan ini di-buat sesuai dengan undang2 Lembaga Bandaran yang menghendaki tiap2 penjual ikan dan daging hendaklah bersungguh2 menyuchi

dan membersehkan bangku2
dan semua perkakas2 di-tem-
pat itu sekurang2-nya satu kali
sa-hari.

Pengiran Dato Paduka Haji Abdul Rahman berkata, tindakan undang2 akan di-ambil ka-atas tuan2 punya gerai yang tidak mengindahkan peratoran ini. Mereka boleh di-dakwa atau pun lesen mereka mung-kin di-batalkan.

DARI nama tiga buah kampung ia-itu Kampung Sungai Tilong, Kampung Tanah Jambu dan Kampung Selambigar, maka lahir-lah sa-buah Persatuan yang sekarang di-kenali sa-bagai Persatuan 'TIBA'.

Persatuan 'Tiba' telah di-tubuhkan pada 21hb. November, 1962 yang mempunyai ahli ketika itu sa-ramai 70 orang.

Sejak persatuan itu di-tubuhkan lapan tahun yang lalu hingga hari ini, ia-nya merupakan salah sa-buah persatuan belia yang aktif dengan pergerakan-nya sesuai dengan kemampuan, tenaga dan kehendak mengikut dasar undang2 persatuan itu.

Pada tahun2 berikut-nya, Persatuan TIBA dengan chara diam2 telah bergerak sa-tapak demi sa-tapak membuat garis2 kasar rancangan yang pada keseluruhannya dapat menjalankan kegiatan2 yang berfaedah kepada ahli2 dan anak2 kampung di-sekitar kawasan persatuan TIBA.

Menerusi kerjasama yang erat dan bertolak ansor dari semua Jawatankuasa Tadbir persatuan dan lain2 tenaga penggerak, ia-nya boleh-lah di-katakan tidak pernah menemui kegagalan dalam sa-barang rancangan yang hendak di-majukan.

Di-tinjau dari sudut kemampuan dan daya usaha dari seluruh ahli2 TIBA, Persatuan itu telah mengutamakan usahanya di-bidang perekonomian yang selama ini menjadi salah satu peluang yang di-tunggu2 oleh penduduk2 kampung di-sekitar-nya.

Kemuncholan TIBA di-antara tiga buah kampung di-jalan Muara sudah merupakan satu nafas baru bagi anak2 Kampung di-situ terutama mula bertapak di-bidang perekonomian.

TIBA — MELAMBANGKAN JENERASI BARU.....

PERSATUAN ASAS PERPADUAN DALAM MASHARAKAT DINAMIS

Sa-bagai langkah perhubungan, Persatuan itu telah menubuhkan sa-buah kedai Iktisad sementara dengan modal sa-banyak \$2,000 ia-itu sa-telah ia-nya berumur kira2 lima tahun dengan ahli2 pembeli saham berjumlah 35 orang.

Dua tahun kemudian modal kedai itu di-tambah lagi yang menjadikan \$4,000.00 dengan ahli-nya meningkat sa-ramai 90 orang.

Memandang kepada kejayaan perjalanan kedai itu yang sentiasa menggalakkan, maka ahli2 Persatuan TIBA telah memikirkan supaya kedai itu di-ubah daripada kedudukan sementara kepada bangunan yang kekal dan kukuh.

Dalam tahun 1967 terlaksana-lah rancangan itu apabila sa-buah bangunan kedai baru di-dirikan berdekatan dengan kedai sementara yang telah usang itu. Perbelanjaan-nya di-taksirkan tidak kurang dari \$6,000.00 termasuk Pejabat Persatuan dan lain2 alat kelengkapan.

Dari hasil penjualan barang2

runchit di-kedai itu apabila ternyata kira2 di-kemukakan pada tiap2 tahun yang berakhir 31 Disember, maka keuntungan2 berse di-dapati berjumlah kira2 \$5,000.00 pada sa-tahun.

Pendapatan hasil penjualan barang2 di-kedai itu hitung panjang sa-banyak \$100.00 sehari. Sa-seorang yang saham penoh \$50.00 maka ia-nya akan mendapat keuntungan 60% yang berma'an \$30.00 pada sa-tahun.

Kedai Iktisad Persatuan TIBA itu juga mempunyai pekerja tetap yang di-gaji sa-banyak \$200.00 sa-bulan dan bayaran sagu hati kepada sa-orang Pengurus Kedai \$20.00 sa-bulan.


Selain daripada mendapat kemudahan2 lain, kedai iktisad itu juga memberikan pinjaman wang kepada ahli2-nya yang hanya di-kenakan faedah sa-kadar 10%.

Pada tahun lalu, tiga pinjaman yang berasingan berjumlah \$1,340.00 telah pun di-berikan kepada ahli-nya yang membolehkan mereka membeli alat2 perkakas rumah termasuk perabot, Radio dan lain2.

Pinjaman2 wang itu termasuk faedah-nya di-jelaskan dalam tempoh 12 bulan. Pada tahun lalu hadiah2 sagu hati berjumlah \$200.00 kepada 17 orang ahli yang banyak membeli barang2 di-kedai itu telah juga di-berikan.

Sa-lain daripada kedai iktisad yang menjadi asas penting persatuan itu, ia-nya juga mempunyai sa-buah bas pengangkutan murid2 sekolah yang di-beli dengan harga \$21,000.00.

Bas itu boleh memuat sa-ramai 26 orang dan ia-nya telah di-sewa khas oleh Kerajaan dengan bayaran \$1,894.00 sa-bulan bagi mengangkut murid2 sekolah di-sepanjang Jalan Muara, Jalan Perpindahan Be-



Dewan Persatuan TIBA yang boleh mengisi kira2 100 orang di-bena di-Kampung Sungai Tilong.

Persatuan 'TIBA': Lapan tahun berdiam diri kini munchol sa-bagai persatuan yang aktif di-bidang perekonomian



rakas dan dari Kampung Sengkung ka-Bandar Brunei.

Bas itu juga mempunyai sa-orang pemandu tetap yang di-gaji sa-banyak \$260.00 sa-bulan.

Untuk membeli bas itu, saham2 telah di-keluarkan untuk mempelawa ahli2 Persatuan TIBA dan tiap2 satu saham berharga \$50.00 dan saham penoh sa-banyak 20 saham yang berjumlah \$1,000.00.

Sa-orang pemilik saham penoh ia-nya mendapat faedah kira2 40% daripada modal saham yang di-miliki-nya.

(Lihat Muka 6)

Sa-bahagian daripada ahli2 Persatuan TIBA bergutong-ruyong mendirikan rumah sa-orang perempuan tua yang tidak berupaya di-Kampung Sungai Tilong Jalan Muara.

Sa-orang pekerja wanita penjaga kedai Iktisad TIBA sedang melayani pelanggan2nya yang membeli barang2 di-situ.



NIAT MEMBEZAKAN ANTARA AMAL IBADAT DENGAN PERKERJAAN IBADAT

KHUTBAH JUMA'AT

Persidangan majlis2 Mashuarat Daerah

✓ **TEMBURONG.** — Pemangku Pegawai Daerah Temburong, Awang Mohammad Salleh bin Hidup menjelaskan bahawa pada masa ini Kerajaan sedang mengkaji serta mempertimbangkan kemungkinan2 untuk memberikan bekalan ayer yang chukop kepada penduduk2 di-daerah itu.

Awang Mohammad Salleh memberikan penjelasan itu mengenai dengan salah satu dari dua usol yang di-tolak dalam persidangan Majlis Ma-

shuarat Daerah itu yang telah bersidang pada hari Khamis lepas.

Usol yang di-tolak itu ia-lah mengenai dengan perbekalan ayer di-daerah itu yang di-kemukakan oleh Pengiran Zulaihi bin Pengiran Tajuddin—wakil kawasan Bangar.

Di-Bandar Brunei, persidangan Majlis Mashuarat Daerah Brunei/Muara juga telah bersidang pada hari itu.

Tidak ada usol yang di-bentangkan dalam majlis itu.

Akan tetapi majlis itu telah menjawab satu soalan bertulis yang di - kemukakan oleh Awang Rasit bin Haji Bandal — wakil kawasan Tanjong Nangka — yang ingin tahu bilakah kerajaan akan membekalkan tenaga letrik kepada penduduk2 di-kawasan tersebut.

Majlis dalam jawapan bertulis menyatakan penduduk2 di-batu 13 Jalan Tutong mungkin akan mendapat bekalan tenaga letrik kira dalam bulan Julai tahun ini.

SA-SUATU pekerjaan menurut pandangan Ugama ada-lah terletak kapada niat sa-seorang itu melakukan-nya. Perkara ini pernah di-sabdakan oleh Rasulullah s.a.w. di-dalam sa-buah hadith yang bermaksud:

“Bahawasa-nya Saidina Umar mendengar Rasulullah s.a.w. bersabda ia-itu bahawasa-nya segala amal itu di-sertai dengan niat dan bahawasa-nya bagi tiap2 sa-orang itu di-niatkan-nya, maka barang siap melakukan hijrah-nya kerana Allah dan rasul-nya, maka hijrah-nya itu kapada Allah dan rasul-nya, dan barang siap melakukan hirjah-nya bagi dunia yang ia ingin memperolehi-nya atau perempuan yang ia ingin hendak mengahwini-nya, maka hijrah-nya itu kapada apa yang ia berhijrah kapada-nya”.

Daripada maksud hadith tadi dapat-lah di-fahamkan bahawasa-nya niat ada-lah menjadi sebab utama untuk mengujudkan atau melahirkan amal. Adapun amal yang memerlukan kapada niat ia-lah segala amal atau perbuatan yang di-shari'atkan oleh Ugama. Ada pun pengertian niat ia-lah ‘quasad’ mengerjakan sesuatu bersama2 dengan perbuatan-nya dan tempat niat itu ia-lah di-hati. Atau niat ia-lah gerak hati ka-arrah sa-suatu perbuatan untuk mencari keredzaan Allah dan patoh kapada perintah-nya (melakukan sa-suatu dengan ikhlas dan jujur).

PERBEZAAN NIAT

Ada pun maksud niat ia-lah untuk menyatakan perbezaan antara amal ibadat dengan pekerjaan ibadat atau menyatakan perbezaan antara jenis amal ibadat itu sendiri, seperti mandi kerana melakukan kewajipan shar'a dan mandi kerana kebiasaan, kedua2 keadaan mandi itu ia-lah niat. Umpama-nya lagi, sembahyang

wajib, sama keadaan-nya dengan sembahyang sunat, puasa wajib sama keadaan-nya dengan puasa sunat, kesemua-nya di-namakan ibadat, tetapi yang membezakan antara jenis ibadat itu ia-lah niat.

PAHALA

Dalam pada itu terdapat perbuatan2 yang di-luar daripada lingkungan ibadat seperti yang selalu di-fahamkan, umpama-nya perbuatan makan dan minum, sunggoh pun makan dan minum perbuatan yang di-luar lingkungan ibadat, tetapi perbuatan itu akan di-berikan pahala jika di-niatkan melakukan-nya untuk memelihara kesihatan dan keselamatan tubuh badan supaya dapat meneruskan amal ibadat kerana Allah sepanjang hayat.

KETA'ATAN

Dengan demikian jelas-lah bahawa sa-suatu amal itu dianggap sah atau sempurna kalau di-ujudkan dengan niat, dan niat itu terletak pada haluan atau arah tujuan-nya.

Niat bertempat di-hati itu ia-lah menjadi punca yang menentukan sendiri akibat amal itu sendiri, dan amal itu di-anggap jahat kalau niat-nya jahat sekali pun amal itu pada lahir-nya baik, dalam pada itu ada kala-nya niat itu dapat mengubah suatu perkara dan adat ia-itu dengan menjalankan sa-suatu jenis keta'atan yang di-redzai oleh Allah.

Perlu juga di-terangkan bahawasa-nya perkara2 yang disebutkan tadi tidak-lah mengenai perkara yang haram, artinya walau pun ada-nya niat yang baik pada melakukan sa-suatu yang haram, tidak-lah dapat mempengaruhi dan mengubah sa-suatu hukum yang haram.

Oleh yang demikian ada-lah di-serukan kapada kaum Muslimin sekalian supaya membetulkan niat dalam mengerjakan sa-suatu perbuatan dan niat itu hendak-lah di-tujukan semata2 kerana Allah (dengan ikhlas-nya).

PEDUMAN sambut tahun baru Hijrah 1390

BANDAR BRUNEI. — Persatuan PEDUMAN di-Kampung Pelambayan dalam Daerah Brunei-Muara telah menyusun satu ranchangan untuk menyambut awal Muharram.

Sambutan itu akan di-adakan di-tanah lapang di-Kampung Pelambayan pada hari Khamis 12 Mach ini, mulai jam 7.30 malam.

Achara dalam ranchangan itu termasuk peraduan bahath bagi orang2 dewasa lelaki, kanak2 lelaki dan perempuan dan peraduan membacha Quran.

Peraduan2 itu ada-lah terbuka kapada ahli2 persatuan PEDUMAN dan penduduk2 di-Kampung Kota Batu, Dato Gandi, Sungai Matan dan Kampung Serdang.

Ini ada-lah kali kedua-nya persatuan tersebut mengadakan sambutan seperti itu.

Peserta2 yang ingin menyertai dalam peraduan2 itu diminta menghantarkan permohonan2 kapada Setiausaha Persatuan PEDUMAN Awang Metali bin Ahmad, Kampung Pelambayan tidak lewat dari hari ini 11 Mach.

Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

Waktu2 sembahyang, imsak dari matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 11 Mach 1970 hingga ka hari Selasa 17 Mach 1970 ada-lah seperti di-bawah ini:—

Hari	Bulan	Dzohor	Asar	Magrib	Isha	Imsak	Suboh	Matahari Terbit
	11 Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-29
	12 Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
	13 Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
	14 Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
	15 Mach	12-35	3-54	6-37	7-48	4-58	5-12	6-27
	16 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25
	17 Mach	12-33	3-52	6-36	7-47	4-56	5-10	6-25

Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.

Sembahyang Juma'at di-seluruh Negeri Brunei di-mulai pada pukul 12-45 tengah hari.

11hb. Mach 1970.

KERAJAAN TIDAK MEMBEZAKAN

YANG Amat Berhormat Menteri Besar dalam jawapan beliau ka-Temburong pada 28nb. Februari yang lalu kerana meninjau perkembangan daerah itu telah mengambil kesempatan memberi ucapan nasihat kepada penghulu2 dan ketua2 kampung yang kebetulan mengadakan suatu persidangan pada hari tersebut. Ucapan Yang Amat Berhormat itu mengandungi kenyataan bahawa ada antara penduduk2 Temburong yang berpendapat bahawa kerajaan menajankan dasar beza membezakan satu daerah dengan satu daerah yang lain.

Pendapat seperti itu sangat di-kesalkan ketika kerajaan sedang menjalankan segala usaha untuk membekalkan Temburong dengan kemudahan2 yang bertaedah yang tidak kurang dari yang di-nekmati oleh penduduk2 lain2 daerah. Beberapa keluarga dari kawasan2 pendalaman telah di-tempatkan sa-mula di-kawasan2 yang bukan hanya mudah di-kawal tetapi senang di - bekalkan. Perkhidmatan2 perubatan, pos, kemasharakatan, perusahaan umum, pelajaran dan lain2 yang terdapat di-kawasan2 bandar telah di-perbesar dan di-perhekapkan.


Bantuan pertanian sudah lama berjalan dan alat2 perusahaan ternakan ada-lah di-berikan dengan perchuma supaya penduduk2 negeri dapat memba-nyakkan hasil pertanian dan ternakan bagi menjamin ke-chukupan makanan. Bukan sa-takat memberi bantuan pertani-an sahaja kerajaan juga sedang mengkaji kemungkinan meng-adakan bekalan ayer paip dan pembahagian tenaga elektrik ka-kawasan2 pendalaman ada-lah juga di-ranchangkan.

Ranchangan perkembangan yang terbesar di-daerah Tembu-rong yang sedang di-usahakan ia-lah pelaksanaan suatu sistem jalan raya supaya semua kam-pong2 yang di-hubongi oleh 70 batu jalan2 kechil dan sungai2 itu di-hubongi kelak oleh jalan2 yang boleh di-gunakan dalam apa musim jua dan oleh apa jua jenis kenderaan darat.

Pendapat bahawa kerajaan beza membezakan itu harus-lah di-singkirkan dari kamus per-tuturan rakyat tatkala menim-bangkan usaha dan langkah ke-rajaan yang sa-mata2 hendak memberi kemudahan2 yang ber-faedah kepada penduduk2 ne-geri. Tambahan pula pendapat seperti itu jika di-panjangkan dari sa-orang rakyat kepada sa-orang rakyat lain ada-lah beru-pa suatu hasutan yang merosak-kan keselamatan dan ketentera-man.

Sa-balek-nya rakyat hendak-lah memberi kerjasama yang sa-benar2-nya kepada kerajaan dan menchurahkan taat setia kepada Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang di-Pertuan supaya segala ranchangan2 perkembangan itu dapat di-laksanakan dengan licih, terator dan mengikut jadual.

Proses melaksanakan ber-bagai2 projek perkembangan yang di-ranchangkan oleh ke-rajaan itu mengambil masa mengikut bentuk dan kepenting-an-nya dan sa-suatu-nya itu tidak-lah ujud dengan sa-kelip mata seperti khayal kesaktian purba kala.



Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yusof sedang menyampaikan perisai tersebut kepada ketua pasukan Panaga yang telah berjaya menjadi johan dalam perlawanan hoki itu.

Panaga rebut perisai Lt. Abd Rahman

BERAKAS. — Pasokan Pa-naga Kelab Setia telah berjaya mengalahkan pasukan Kelab Melayu Setia dalam perlawan-an akhir hoki enam sa-pasokan anjoran Askar Melayu Di-Raja Brunei yang telah di-adakan pada hari Ahad 8 Mach lepas di-khemah Berakas.

Pasokan Panaga telah ber-jaya mengalahkan pasukan Kelab Melayu dengan 2 gol ber-balas satu dan telah berjaya merebut perisai yang di-hadiahkan oleh Lt. Abdul Ra-hman bin Mustapha dan bekas anggota2 Platoon No 4 Askar Melayu Di-Raja Brunei.

Sa-banyak 40 pasukan telah mengambil bahagian dalam perlawanan itu.

Pasokan2 itu mewakili se-kolah2, kelab2, maktab2, pulis dan tentera.

Menteri Besar, Yang Amat Mulia Pengiran Setia Negara Pengiran Haji Mohammad Yu-sof bin Pengiran Haji Abdul Rahim telah menyampaikan perisai tersebut di-akhir per-tandingan itu.

Pada tahun lalu perisai ter-sebut telah di-menangi oleh Maktab Sultan Omar Ali Sai-fuddin, Bandar Brunei.

IKLS sambut awal tahun baru Islam

BANDAR BRUNEI. — Per-satuan Ikatan Kampong Lu-rong Sikuna rengkas - nya IKLS akan mengadakan majlis sambutan awal tahun baru Is-lam pada malam ini mulai jam 7.30 malam bertempat di-Bangunan Kedai Sharikat IKLS di-Kampong Lurong Si-kuna.

Sambutan itu akan di-penohi de-ngan bacahan kitab suci Al-Koran, membaca sajak dan peraduan bakhath antara ahli2 per-satuan IKLS.

Yang Di-Pertua M.B.B. Yang Berhormat Pehin Orang Kaya Ratna Di-Raja Dato Utama Awang Haji Mohamed Zain bin Haji Se-ruddin akan beruchap di-majlis itu sementara Awang Abdul Hamid bin Bakal sa-orang pegawai di-Ja-batan Hal Ehwal Ugama Brunei akan menyampaikan sharahan khas di-majlis itu.

Majlis itu akan di-sudahi dengan tayangan wayang gambar dari Ba-dan Penerangan Ugama Islam, Ja-batan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Orang ramai ada-lah di-persila-kan untuk menyaksikan majlis ter-sebut.

Mashuarat agong PERDA

TUTONG. — Persatuan Pe-muda Penanjong Tutong akan mengadakan mashuarat agong tahunan-nya pada hari Juma'at 13 Mach ini.

Mashuarat itu di-jadualkan akan di-rasmikan oleh Pegawai Daerah Tutong, Pengiran Oth-man bin Pengiran Anak Mo-hammad Salleh.

Di-antara agenda2 yang akan di-binchangkan dalam mashuarat itu termasuk-lah mengadakan persawahan, ja-lan kechil, dan lain2 kegiatan persatuan itu.

Sa-orang juruchakap persa-tuan itu meminta semua ahli2-nya supaya hadir ka-ma-shuarat itu.



Dayang Anita (di-dukkong oleh ayah-nya Cpl. Osman) bersama2 ibu dan adek-nya yang telah menyambut kepulangan mereka di-lapangan terbang Berakas.

Anita pulang sa-telah berjaya jalani pembedahan



BANDAR BRUNEI. — Da-nyang Anita binte Osman, ber-umur 1½ tahun, anak perem-puan kapada Copral Osman bin Idris dari Askar Melayu Di-Raja Brunei telah pulang ka-tanah ayer pada hari Sabtu lepas sa-telah selamat men-jalani pembedahan di-rumah sakit kanak2 di-Adelaide, Aus-tralia.

Dayang Anita telah di-temani oleh ayah-nya dan Pe-gawai Perubatan Askar Mela-

yu Di-Raja, Lt. Col. Dato J. G. Moran.

Dayang Anita buat pertama kali-nya telah di-masokkan ka-rumah sakit itu dan men-jalani satu pembedahan ke-rana apa yang di-kenali sa-bagai 'Hydrocephalus' atau berlebehan bahan chair dalam rongga tengkorak-nya.

Dayang Anita telah berlepas ka-Australia dalam bulan Fe-bruari lalu untuk menjalan-i pembedahan kali kedua.



Sambutan Tahun Baru Islam—1390

BANDAR BRUNEI. — Sambutan awal tahun baru Islam—1390 telah di-adakan di-Madrasah, Jabatan Hal Ehwal Ugama, Bandar Brunei pada hari Ahad 8 Mach lepas.

Sambutan itu telah di - anjorkan oleh Badan Penerangan Ugama Islam, Jabatan Hal E h w a l Ugama, Brunei.

Sambutan pada malam itu telah di-rasmikan oleh Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama, Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin.


Sementara Awang Yahya bin Haji Ibrahim, sa-orang Pegawai di-Jabatan Hal Ehwal Ugama telah menyampaikan sharahan khas di-majlis sambutan itu.

Kemunchak dari acara yang di-adakan pada malam itu ia-lah peraduan bahath diantara pasukan gabungan Daerah Brunei-Muara dengan pasukan gabungan Daerah Belait.

Peraduan tersebut telah dimenangi oleh gabungan Daerah Brunei-Muara.

Majlis pada malam itu diselangi dengan persembahan2 nashid, membaca sajak dan perbualan keluarga Pak Lakim yang di-ketuai oleh Pengiran Tengah bin Pengiran Anak Hashim.

Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin telah menyampaikan hadiah2 kepada johan dan naib johan dalam peraduan bahath dan juga hadiah kepada keluarga Pak Lakim.



Gambar2 BPUI/JHEU menunjukkan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota Pengiran Muda Haji Kemaluddin sedang berucap sa-belum merasmikan sambutan tersebut (atas kiri). Sabagian para hadhirin yang telah menyaksikan sambutan pada malam itu (atas kanan) dan Yang Amat Mulia Pengiran Indera Mahkota sedang menyampaikan hadiah kepada ketua pasukan bahath gabungan Daerah Brunei-Muara yang telah berjaya memenangi peraduan tersebut (atas).

Sembilan usol di-luluskan

(Dari Muka 1)

batan yang ada antara Jalan Kampong China dan Jalan Bunga Raya.

Usol ketiga di-kemukakan oleh Awang Mohammad Yassin bin Haji Yusof wakil kawasan Panaga yang meminta kerajaan supaya menyediakan kawasan tapak perusahaan rengan di-Seria dan Kuala Belait.

Awang Ismail bin Duraman wakil kawasan Lorong 4 dan 5 telah mengutarakan usol keempat yang meminta kerajaan supaya mendapatkan persetujuan dari pihak Sharikat Minyak Shell Brunei untuk memberikan peluang kepada buruh2 tempatan yang telah berhenti dan bersara dari mendiami rumah2 sharikat sekurang2nya tiga bulan lagi dari tarikh sesudah menerima pembayaran sa-lama perkhidmatan-nya dari sharikat itu.

Usol kelima dan yang keenam, di-bentangkan oleh Malai Mashor bin Malai Haji Abdul Hamid wakil pekan Seria yang meminta supaya Jabatan Pertanian dan Perikanan masing2 memesatkan lagi daya usaha dalam membimbing dan menegakkan peladang2, penternak2 dan nelayan2 tempatan supaya menambahkan lagi hasil pendapatan mereka dalam bidang pertanian, penternakan dan perikanan.

Wakil bagi kawasan Peng-

lima Yang Berhormat Awang Zainal Abidin bin Puteh telah membentangkan dua usol. Usol-nya yang pertama meminta supaya kerajaan menyelidiki mengenai dengan kebenaran tinggal di-negeri ini umumnya dan di-daerah Belait khususnya bagi orang2 asing yang hanya mempunyai lesen berniaga yang di-keluarkan oleh Jabatan Peguam Negara, bagi menentukan yang mereka benar2 menjalankan perniagaan seperti yang terchatet dalam lesen mereka. Usol-nya yang kedua, ia-itu yang ke-lapan dalam mashuarat telah meminta kerajaan supaya menyalurkan paip bekalan ayer yang ada sekarang ka-Kampung Sungai Teraban hingga ka-kawasan perumahan di-darat Sungai Teraban.

Usol yang ke-sembilan dibentangkan oleh Awang Matyassin bin Abu Bakar, wakil kawasan Tanjong, tetapi ia-nya telah di-pinda oleh Awang Harris bin Bongsu wakil kawasan Pekan Belait yang meminta pihak kerajaan supaya menyempurnakan pelaksanaan bekalan letrik yang ada sekarang di-Kampung Sungai Teraban, serta meluaskan lagi pembekalan-nya dengan menambah tiang2 dan kawat besar hingga sa-kawasan2 perumahan yang belum mendapat bekalan letrik.

Majlis mashuarat itu juga telah mendengarkan ucapan2 penanggoahan oleh ahli2 majlis itu.

Sambutan di-Temburong

TEMBURONG. — Sambutan tahun baru Islam 1390 akan di-adakan di-Daerah Temburong pada hari Sabtu 14 Mach bertempat di-hadapan bangunan pejabat2 kerajaan Temburong mulai jam 8.00 malam.

Sambutan itu akan di-penuhi dengan sharahan khas mengenai Hijrah dan tayangan wayang gambar Badan Penerangan Ugama Islam Jabatan Hal Ehwal Ugama Brunei.

Orang raami khas-nya kaum Muslimin di-daerah itu ada-lah di - persilakan menyaksikan sambutan itu.

Gambar menunjukkan empat orang peserta yang telah mengambil bahagian dalam peraduan pakaian asli Brunei yang telah diadakan di-Dewan Pemas Belia baru2 ini.

Peraduan tersebut ada-lah salah satu acara dalam Peraduan Selat anjuran persatuan PERANGKAP.

Peraduan pakaian asli ini telah di-menangi oleh Awang Ibrahim bin Mohd. Yusof dari Persatuan INSAP (no dua dari kemana).

BRUNEI SERTA PERLAWANAN TINJU AMATEUR ASIA

BANDAR BRUNEI — Negeri Brunei akan diwakili oleh Ahmad Rashid, johan tinju perengkat Light Heavy Weight seluruh Borneo di-kejohanan tinju amateur Asia yang ke-empat di-bandar Quezon Philipina.

Setiausaha Persatuan Tinju Amateur Negeri Brunei Awang Palaniandy berkata, keputusan ini telah di-buat baru2 ini oleh jawatankuasa pemilihan persatuan itu.

Kata-nya, tiket kapal terbang pergi dan balik dari Brunei ke-Hongkong bagi Ahmad Rashid telah di-hadiahkan oleh Sharikat Penerbangan Malaysia Singapura.

Perlakuan tinju itu akan di-adakan di-Araneta Coliseum dari 1 April hingga 11 April, ini kemudian di-ikuti oleh Persidangan Benua.

Negara2 yang di-jangka mengambil bahagian ia-lah Burma, Kemboja, Ceylon, Hong Kong, Indonesia, India, Iran, Jepun, Korea, Malaysia, Nepal, Pakistan, Philipina, China Kebangsaan, Singapura, Thailand, Vietnam dan Brunei.

Awang Palaniandy telah di-undang oleh Persekutuan Tinju Amateur Asia untuk menjadi salah sa-orang daripada pengadil dan hakim antara bangsa dalam perlawanan itu.

Perlawanan bola sepak Sekolah2 Menengah

BANDAR BRUNEI — Sebanyak 12 buah pasukan dari sekolah2 menengah di-negeri ini akan mengambil bahagian dalam perlawanan bola sepak sekolah2 menengah tahun ini.

Pemangku Penyusun Latehan Jasmani Awang Mohamed Hussain bin Zainal berkata perlawanan pertama di-jadualkan berlangsung pada pertengahan bulan ini.

Perlawanan itu ia-lah satu daripada perlawanan yang termasuk dalam pertandingan sokan dan olah raga tahunan bagi sekolah2 di-negeri ini.

Pasukan yang menang akan menerima Piala Rebutan hadiah dari Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Pemancha.

Tahun lalu, pasukan Maktab SOAS memenangi piala tersebut.

Persatuan TIBA dengan projek ekonomi-nya

(Dari Muka 2)

Dalam lain2 perusahaan, ahli2 Persatuan itu juga telah mengusahakan penanaman padi paya sa-luas kurang dari satu ekar yang dapat menghasilkan 600 gantang padi yang maseh dalam simpanan persatuan.

Ahli2 Persatuan itu tidak ketinggalan juga membuat kerja gutong-ruyong yang melibatkan kampung masing2 seperti membuat jambatan untuk menyeberang melalui anak2 sungai, mendirikan rumah dan lain2 kerja di-antara tiga buah kampung itu.

Melalui badan kesenian dan kebudayaan, Persatuan ini telah dapat mengadakan pementasan di-Padang Besar Brunei dan di-kawasan Istana semasa menyambut hari2 kebasaran. Ia-nya juga tidak ketinggalan ikut serta dalam pesta2 Ugama dan perarakan sambutan Maulud Nabi.

Untuk memeserakan lagi penduduk2 antara tiga buah kampung di-Jalan Muara itu, satu dewan yang boleh mengisi kira2 100 orang telah di-bina di-Kampung Sungai Tilong.

Dari dewan ini sa-chara langsung dapat menyalurkan berbagai2 kegiatan seperti mengadakan sambutan pesta2 keramaian dan di-samping itu pula dapat mengukuhkan lagi hubungan mesra, rasa muhibbah dan tidak kurang pula bertukar2 fikiran mengeluarkan idea2 baru masing2 menjangkau matalamat ka-arrah terchapai-nya chita2 persatuan demi untuk faedah dan kebaikan kampung.

Di-samping itu pula, kelas2 dewasa yang di-anjurkan oleh Jabatan Pelajaran dan Jabatan

Hal Ehwal Ugama yang diawasi oleh Persatuan terus-menerus di-lancarkan untuk memberi ilmu pengetahuan kepada anak2 kampung di-sekitar-nya.

Persatuan TIBA amat berkesan dalam melancarkan kegiatan2-nya, semua ini di-sebabkan usaha dari pemimpin2-nya yang jujur, tegas dan berani menghadapi masa'alah di-semua bidang.

Persatuan itu juga tidak ragu2 memberikan modal sabanyak satu ribu ringgit kepada MBB untuk menyertai penubuhan Sharikat Kerjasama Belia yang pada hakikat-nya sa-bagai Pusat Pengeluar barang2 tanpa melalui orang2 tengah.

Kita mengharapkan kepada Persatuan TIBA akan terus maju demi melambangkan jenarasi baru yang mewakili zaman-nya.

Ahli2 jawatankuasa Persatuan TIBA bagi tahun 1970 ada-lah seperti berikut:

Pemangku — Imam Awang Jalin bin Mustafa, Yang Di-Pertua — Awang Yaakub bin Ahmad, Naib Yang Di-Pertua — Awang Harun bin DSL Haji Samad, Setia Usaha Agong — Awang Gharib bin DSL Haji Samad, Timbalan Setia Usaha Agong — Awang Haji Abdullah bin Lakim, Pengerusi — Awang Suhail bin Umar, Timbalan Pengerusi — Awang Sabtu bin Aji, Bendahari — Awang Md. Yusof Haji Yahya, Timbalan Bendahari — Awang Nordin bin D. P. Taha, Setia Usaha Sokan — Awang Jaafar bin Madin, SU Kesenian dan Kebudayaan — Awang Mohamad bin Mokti, SU Ugama dan Pelajaran — Ali, Mohammad bin Pengiran Md. Salleh, SU Pertanian — Awang Besar bin Haji Daim, SU Kebudayaan dan Keshihatan — Awang Arshad bin Md. Said dan SU Bangunan — Awang Madin bin Abd. Rahman.

Perlawanan bola sepak anjoran PESAKA

TUTONG. — Persatuan Melayu Keriam Tutong PESAKA akan menganjorkan perlawanan bola sepak sa-bagai menyambut Hari Keputeraan Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan bagi Daerah Tutong.

Perlawanan itu juga ada-lah salah satu daripada projek tahunan persatuan itu.

Sa-orang juruchakap Persatuan itu berkata, perlawanan akan di-bahagikan kepada dua bahagian — ia-itu perlawanan enam orang dan sebelas orang sa-pasokan.

Perlawanan enam orang ada-lah terbuka kepada Persatuan2 Belia, Sekolah2 dan Maktab2 seluruh negeri Brunei.

Sementara perlawanan sebelas orang hanya-lah terbuka kepada Persatuan2 Belia, Sekolah2, dan Jabatan2 Kerajaan daerah Tutong sahaja.

Bayaran untuk memasuki perlawanan ini ia-lah \$8.00 bagi enam orang dan \$10.00 bagi sebelas orang.

Borang2 untuk menyertai perlawanan boleh di-dapati daripada Setiausaha Perlawanan Awang Jait bin Hitam d/a Jabatan Bandaran, Tutong dan Awang Mohamad Alidin bin Kura, d/a Jabatan Penyiaran dan Penerangan, Brunei.

Borang2 hendak-lah di-kembalikan tidak lewat dari 16 Mach, 1970.



JAWATAN-JAWATAN KOSONG

Sa-bagai Kerani

Tingkatan 'B'

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan untuk memenohi jawatan Kerani Tingkatan 'B' dalam Perkhidmatan Kerani2 Kerajaan Brunei.

Kelayakan:

Chalun2 yang di-antek mesti-lah sudah menchapai umur 17 tahun lulus sekurang2-nya Sijil Rendah Pelajaran (Inggeris) atau yang sa-banding.

Gaji:

Dalam sukatan gaji D1-2-3 EB4 — \$210 x 270 x 15 — 315/EXAM BAR/330 x 15 — 360 — x 20 — 480/EB/500 x 20 — 620. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan kepada Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 28 Mach, 1970.

SA-BAGAI KETUA PEMBANTU TEKNIK

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai Ketua Pembantu Teknik (Radio) di-Jabatan Talikom, Brunei.

Kelayakan2 dan Pengalaman:

Chalun2 hendak-lah mempunyai kelulusan hingga ka-perengkat City and Guilds of London Institute Final Certificate in Telecommunications tetapi chalun2 yang mempunyai pengalaman praktik yang luas dan kebolehan terbukti akan lebeh di-utamakan. Pemohon2 mesti-lah mempunyai pengalaman praktik selama sekurang2-nya 7 tahun dalam bidang pentadbiran talikom atau yang sama dan mempunyai pengalaman yang luas dalam alat2 radio H.F. dan V.H.F. Mempunyai pengetahuan tentang alat2 U.H.F. akan merupakan satu kelebihan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 EB 4 — \$930 x 30 — 1050/EB/1080 x 30 — 1200. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchu-

baan selama 6 bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama, bagi chalun yang berjaya yang menjadi raayat D.Y.M.M. Sultan akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 24 Mach, 1970.

Kursus Pertanian 1970/1971

(1) Pemohon2 lelaki yang layak mendapat dermasiswa Kerajaan Brunei ada-lah di-pelawa memohon untok mengambil kursus di-Kolej Pertanian Malaya bagi Tahun Persekolahan 1970/1971. Hanya di-kehendaki sa-ramai tidak lebeh daripada 5 orang.

(2) Kursus Diploma — Tiga tahun.

Kelulusan sekurang2-nya Pangkat II dalam Sijil Persekolahan Cambridge/Sijil Pelajaran Malaysia dengan lulus Bahasa Kebang-

saan, lulus Bahasa Inggeris dan Kepingan dalam Ilmu Hisah.

(3) Kursus Pendahuluan (Preliminary Course) — Satu tahun.

Kelulusan sekurang2-nya Pangkat III dalam Sijil Persekolahan Cambridge/Sijil Pelajaran Malaysia dengan lulus Bahasa Kebangsaan dan/atau Bahasa Inggeris. Keutamaan akan di-beri kepada chalun2 yang mempunyai kelulusan yang di-sharakan itu dan yang:

(a) Berasal daripada Luar Bandar.

(b) mempunyai jiwa kepertanian dan

(c) fasih dalam Bahasa Kebangsaan.

Sa-telah tammat dengan jaya-nya di-dalam Kursus Pendahuluan ini, penuntut2 akan melanjutkan pelajaran-nya ka-Tahun Pertama bagi Kursus Diploma.

(4) Chalun2 mesti-lah membuat permohonan sa-lepas di-ketahui se-chara rasmi keputusan pepereksaan Sijil Persekolahan Cambridge/Sijil Pelajaran Malaysia.

(5) Permohonan2 hendak-lah di-sampaikan kepada Pegawai Dermasiswa dan Kesejahteraan, Pejabat Pelajaran Brunei sa-lewat2-nya sa-lepas 10 hari keputusan pepereksaan SPC/SPM di-umumkan.

(6) Suatu temu-dua kepada pemohon2 akan di-adakan pada suatu masa dalam bulan April, 1970.

(Hamdani Hj. Abd. Rahman)
b/p Pengarah Pelajaran,
BRUNEI.

Pejabat Pelajaran,
BRUNEI.

Tarikh: 3hb. Mach 1970.

Sa-bagai Pemereksa Buroh Kanan

Permohonan2 ada-lah di-pelawa daripada chalun2 yang berkelayakan untok di-lantek sa-bagai Pemereksa Buroh Kanan di-Jabatan Buroh, Brunei.

Kelayakan2:

Pemohon2 mesti-lah lulus sekurang2-nya Sijil Persekolahan Tinggi atau yang sa-banding dengan-nya, dan hendak-lah mempunyai sekurang2-nya lima tahun pengalaman perusahaan dalam sesuatu jawatan sa-bagai penyelia. Mempunyai pengalaman bekerja dalam Jabatan Buroh dan/atau mengetahui Undang2 Negeri Brunei mengenai perhubungan perusahaan buroh ada-lah satu kelebihan.

Tugas2:

Orang yang di-lantek ka-jawatan ini ada-lah bertanggung jawab kepada Pesuruhjaya Buroh, Brunei bagi mengator dan melaksanakan kerja2 memereksa berbagai2 tempoh pekerjaan. Dia akan di-kehen-

daki mengawas Pemereksa2 Buroh yang lain. Dia akan terutama-nya di-kehendaki menjamin supaya perusahaan2 kayu balak dan kilang papan dan kilang2 perusahaan ringan dan workshop patoh kapada darjah2 keselamatan yang menchukupi. Dia akan juga di-kehendaki membantu dalam pentadbiran Undang2 Negeri Brunei yang berhubungan dengan Pampasan Pekerja2 dan perhubungan perusahaan.

Gaji:

Dalam sukatan gaji C3 — \$930 x 30 — 1050. Gaji permulaan bergantung kepada kelayakan2 dan pengalaman.

Sharat2 Lantekan:

Chalun yang berjaya yang bukan raayat D.Y.M.M. Sultan Brunei akan di-lantek sa-chara berkontrek selama tiga tahun termasuk masa perchubaaan selama enam bulan. Pembaharuan kontrek ada-lah dengan persetujuan bersama Chalun yang terdiri dari raayat D.Y.M.M.

Sultan Brunei akan di-lantek ka-jawatan tetap sa-lepas satu tempoh perchubaaan.

Baksis:

Bagi sa-orang chalun yang di-lantek sa-chara berkontrek, baksis sa-banyak 12½% daripada gaji akan di-bayar bagi tiap2 bulan genap berkhidmat. Baksis tidak akan di-bayar apabila berhenti atau di-buang kerja.

Butir2 mengenai sharat2 perkhidmatan boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei.

Permohonan2 yang mesti di-penohkan di-atas borang2 yang boleh di-dapati daripada Pegawai Perjawatan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, hendak-lah di-kembalikan bersama2 dengan salinan surat2 aukan dan sijil2 kepada Setia Usaha Kerajaan, Pejabat Setia Usaha Kerajaan, Brunei, tidak lewat daripada 25 Mach, 1970

SI-TUYU oleh: m. sallah ibrahim





Gambar atas menunjukkan Tuan Yang Terutama Pesuruhjaya Tinggi British di-Brunei, Awang A. R. Adair (kanan) sedang berjabat tangan bagi mengucapkan selamat belayar kepada Penglima Agong pasukan tentera British di-Timor Jauh, Sir Peter Hill-Norton sa-jurus sa-belum beliau meninggalkan lapangan terbang Berakas pada hari Khamis lepas.

Sedang memerhati di-tengah2 ia-lah Puan Hill-Norton dan Captain Hussein bin Ahmad, dari Askar Melayu Di-Raja Brunei yang menjadi juru iring Sir Peter semasa lawatan beliau di-sini.

Sir Peter dan Puan Hill-Norton tiba di-Brunei pada hari Selasa 3 Mach untuk mengadakan lawatan selama dua hari.

Semasa berada di-sini beliau telah mengadap kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan di-Istana Darul Hana, Bandar Brunei.

Beliau juga telah melawat khemah pasukan Askar Melayu Di-Raja Brunei di-Berakas dan pangkalan laut-nya di-Muara serta pasukan askar Gurkha yang ditempatkan di-Seria.

Jemaah2 haji pulang

BERAKAS. — Sa-ramai 42 orang Jema'ah2 Haji Brunei telah selamat pulang ka-tanah ayer petang kelmarin.

Turut bersama2 pulang dalam rombongan itu ia-lah dua orang pegawai Kebajikan Haji yang dilantek oleh Kerajaan.

Mereka ia-lah Awang Haji Salleh bin Timbang dan Pengiran Haji Mohammed bin Pengiran Badar.

Sementara itu, sa-ramai 105 orang Jema'ah2 Haji Brunei yang bertolak dengan kapal terbang pada 31 Januari lalu akan tiba di-Brunei pada hari Ahad 15 Mach.

Penerbangan pertama tiba di-Lapangan Terbang Berakas pada jam 11.50 pagi; penerbangan kedua tiba pukul 1.00 tengah hari; penerbangan ketiga tiba pada jam 2.10 petang dan penerbangan keempat tiba pada 3.20 petang.

Jema'ah Haji Brunei yang belayar dengan kapal laut akan tiba di-Brunei pada hari Isnin, 16 Mach.

PENGUASA PELAJARAN MELAYU BERSARA

BANDAR BRUNEI. — Pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran pada 19 Februari telah mengadakan majlis jamuan perpisahan di-Union Restaurant kerana mem'ikan Awang Haji Noordin bin Abd. Latif, Penguasa Pelajaran Melayu yang akan berchuti dan sa-terus-nya bersara pada penghujung tahun ini sa-telah berkhidmat sa-lama 38 tahun.

Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang Malcolm MacInnes dalam ucapan-nya yang telah disampaikan oleh Awang Md. Hussein bin Yusof di-majlis itu telah melahirkan dukachita-nya kerana Awang Haji Noordin akan meninggalkan Jabatan Pelajaran dan meng-ucapkan terima kasih atas pertolongan2 Awang Haji Noordin itu kepada beliau dalam membantu berbagai2 perkara pentadbiran Jabatan Pelajaran dan sekolah2. Beliau juga berdo'a mudah2an Awang Haji Noordin sentiasa berada di-dalam keadaan sehat dan gembira.

Awang Haji Noordin mula berkhidmat sa-bagai guru pelateh di-Bandar Brunei dalam tahun 1932. Dalam tahun berikut-nya beliau telah di-hantar ka-Maktab Perguruan Sultan

Idris Tanjong Malim untuk melanjutkan pelajaran-nya selama tiga tahun. Dalam tahun 1936 sekali lagi di-hantar ka-Maktab Perguruan Tanjong Malim untuk melanjutkan pelajaran-nya dalam pekerjaan tangan selama satu tahun.

Beliau telah di-lantek menjadi Guru Besar Sekolah Melayu Jalan Pemancha dalam tahun 1937 dan dalam tahun 1939 beliau telah di-lantek menjadi Guru Kumpulan Brunei dan Temburong.

Dalam tahun 1946, Awang Haji Noordin telah berpindah ka-Kuala Belait untuk memegang jawatan sa-bagai Pegawai Khas di-Pejabat Penolong Resident dalam bahagian Jabatan Pelajaran. Dalam tahun berikut-nya beliau telah di-lantek menjadi Nadzir Sekolah2 Melayu.



Awang Haji Noordin.

Dalam tahun 1955 beliau telah di-lantek menjadi Ketua Nadzir Sekolah2 Melayu dan dalam tahun itu juga beliau telah di-hantar ka-United Kingdom untuk melawat sambil belajar.

Awang Haji Noordin telah di-lantek sa-bagai Penguasa Pelajaran Melayu dalam tahun 1960 sehingga-lah beliau bersara.

Di-samping menjalankan tugas-nya, Awang Haji Noordin juga aktif dalam pertubuhan2 dan ke-satuan2.

Beliau telah di-pilih sa-bagai Setia Usaha Agong Persekutuan Guru2 Melayu Brunei apabila ke-satuan itu mula di-tubuhkan. Sa-lepas itu beliau telah di-lantek menjadi Pengerusi Tetap, Ketua Pemegang Amanah dan Pengerusi Jawatankuasa Bangunan Guru2 Brunei.

Beliau juga pernah menjadi guru pengakap dan kemudian-nya telah di-lantek menjadi Pesuruhjaya Pengakap Jajahan dan Timbalan Pengerusi Kesatuan Pengakap Brunei.

Untuk mengenangkan jasa2 beliau dalam menjalankan tugas-nya terhadap negara, Awang Haji Noordin telah di-kurniakan Bintang S.M.B. oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan dalam tahun 1967.

Awang Haji Noordin pernah beberapa kali memangku jawatan Pengarah Pelajaran semasa ketiadaan Dato Seri Laila Jasa Awang MacInnes.



Awang Haji Noordin (no. 5 dari kanan) bergambar bersama2 dengan pegawai2 dan kaki-tangan Jabatan Pelajaran sa-bagai kenang2an. Di-sebelah kanan beliau ia-lah Pengarah Pelajaran, Dato Seri Laila Jasa Awang MacInnes.

Lawatan D.Y.M.M. ka-kapal induk

(Dari Muka 1)

Raja 'K.D. Pahlawan' dari pangkalan laut regiment itu di-Muara.

Ketibaan Baginda dan rombongan di-pangkalan laut itu telah di-sambut oleh Pegawai Pemerintah Askar Melayu Di-Raja Brunei, Col. J. J. H. Simpson yang juga turut mengiringi Baginda dalam lawatan ka-kapal induk British itu.

Duli Yang Maha Mulia dan rombongan telah berada di atas kapal itu selama lebih kurang satu jam dan telah di-bawa melawat ka-beberapa bahagian dalam kapal itu termasuk tempat pengawalan penerbangan, bilek pengawasan radar, bengkel kapal terbang dan pusat gerakan 'New Look'.

Baginda juga telah melawat pegawai2 dan anggota, AMDB yang telah di-tugaskan untuk menjalankan gerakan bersama2 dengan anggota2 kumpulan Komando 42 yang telah berada di atas kapal itu.

Tujuh orang lulus peperiksaan Siji Pelajaran Tinggi

BANDAR BRUNEI. — Sa-ramai enam orang calon, telulus peperiksaan siji Pelajaran tinggi yang di-adakan di-Maktab Sultan Omar Ali Saifuddin di-Bandar Brunei dalam bulan Nobember tahun lepas.

Mereka ia-lah Anna Hiew

Yee, Lee Khong Yin, Hisham bin Mohammad Sum, Mohammad Yunos bin Mahmud, Mohammad Samin bin Zakaria dan Awang Suliman bin Buntar.

Sa-ramai 34 orang calon lain-nya yang mengambil peperiksaan itu telah menerima

siji Am Pelajaran.

Dari jumlah 30 orang calon persendirian yang mengambil peperiksaan, hanya sa-orang ia-itu Dickie Chong Thin Choi dari Seria lulus siji Pelajaran Tinggi. Sementara yang lain-nya mendapat siji Am Pelajaran.